



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) 2001

[P.U. (A) 241/2001]

Sebagaimana pada 1 April 2023

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2023

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PERAKUAN BOMBA) 2001

Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	9 Ogos 2001
Tarikh permulaan kuat kuasa	10 Ogos 2001
Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 290/2020 yang mula berkuat kuasa pada	1 October 2020

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	2009
------------------------------------	-----	-----	-----	-----	------

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) 2001

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan

1. Nama
- 1A. Tafsiran
- 1B. Spesifikasi “pemohon” dan “perubahan material”
- 1C. Orang tertentu dianggap sebagai penghuni
2. Permohonan bagi perakuan bomba
- 2A. Pengemukaan pelan
3. Pengeluaran perakuan bomba
4. Pembaharuan perakuan bomba
5. Kehilangan atau kemusnahan perakuan bomba
6. Pempameran perakuan bomba
- 6A. Perlindungan daripada tindakan, tuntutan, liabiliti, dsb.
- 6B. Penubuhan organisasi keselamatan kebakaran berkenaan dengan premis ditetapkan
- 6C. Permohonan bagi penubuhan organisasi keselamatan kebakaran
- 6D. Tugas pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan menyeluruh ke atas premis ditetapkan
- 6E. Tugas dan kuasa organisasi keselamatan kebakaran
7. Penalti
- 7A. Kesalahan boleh kompaun

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) 2001**.

Tafsiran

1A. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bangunan yang dipecah bahagi” ertinya suatu bangunan yang mempunyai dua tingkat atau lebih yang boleh dipecahbahagikan kepada petak-petak di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*];

“organisasi keselamatan kebakaran” ertinya suatu organisasi yang ditubuhkan di bawah peraturan 6B;

“pemaju” ertinya mana-mana orang yang memajukan mana-mana tanah bagi maksud kegunaan kediaman, kegunaan komersial dan kegunaan perindustrian dan termasuklah wasi, pentadbir dan pengganti dalam hakmilik atau pemegang serah hak yang dibenarkan orang itu; dan

“perbadanan pengurusan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Hakmilik Strata 1985.

Spesifikasi “pemohon” dan “perubahan material”

1B. (1) Bagi maksud seksyen 29 Akta, perkataan “pemohon” hendaklah ditafsirkan sebagai orang yang berikut:

- (a) jika premis ditetapkan ialah bangunan bertanah, dan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakarannya dipunyai atau disenggarakan oleh pemunya bangunan itu, pemohon ialah pemunya bangunan itu;
- (b) jika premis ditetapkan ialah bangunan bertanah, dan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakarannya dipunyai atau disenggarakan oleh penghuni bangunan itu, pemohon ialah penghuni bangunan itu;
- (c) jika premis ditetapkan ialah bangunan bertanah, dan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakarannya disenggarakan oleh atau dikongsi dengan orang lain, pemohon ialah penghuni bangunan itu dan orang itu, secara bersesama;
- (d) jika premis ditetapkan ialah bangunan yang dipecah bahagi yang perbadanan pengurusan telah diwujudkan, dan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakarannya disenggarakan oleh perbadanan pengurusan itu, pemohon ialah perbadanan pengurusan itu;
- (e) jika premis ditetapkan ialah bangunan yang dipecah bahagi yang perbadanan pengurusan telah diwujudkan, dan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakarannya disenggarakan oleh atau dikongsi dengan seseorang yang lain, pemohon ialah perbadanan pengurusan itu dan orang itu, secara bersesama;
- (f) jika premis ditetapkan ialah bangunan yang dipecah bahagi yang perbadanan pengurusan belum diwujudkan, pemohon ialah pemaju bangunan itu atau, jika kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran bangunan itu disenggarakan oleh atau dikongsi dengan seseorang yang lain, pemohon ialah pemaju itu dan orang itu, secara bersesama;

(g) jika premis ditetapkan ialah bangunan yang dipecah bahagi yang perbadanan pengurusan belum diwujudkan, dan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakarannya disenggarakan oleh atau dikongsi dengan pemunya dan penghuni bangunan itu, pemohon ialah pemunya dan penghuni itu, secara berse sama.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika terdapat apa-apa pertikaian mengenai pemohon di bawah seksyen 29 Akta, pertikaian sedemikian hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah yang keputusannya adalah muktamad.

(3) Bagi maksud subseksyen 32(2) Akta, istilah “perubahan material” ertinya apa-apa perubahan yang menjejaskan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran yang berhubung dengan penggunaan premis ditetapkan.

Orang tertentu dianggap sebagai penghuni

1c. Mana-mana orang yang, pada masa material, sedang tinggal atau menghuni di dalam premis ditetapkan hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, ialah sebagai penghuni premis ditetapkan itu.

Permohonan bagi perakuan bomba

2. (1) Sesuatu permohonan bagi perakuan bomba berkenaan dengan premis ditetapkan hendaklah dibuat dalam borang dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) suatu perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran yang dikeluarkan di bawah peraturan 6c;
- (b) sesalinan Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan; dan
- (c) sesalinan Laporan Keselamatan Kebakaran,

berkenaan dengan premis ditetapkan itu.

(1A) Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan dan Laporan Keselamatan Kebakaran yang disebut dalam perenggan (1)(b) dan (c) masing-masing hendaklah disediakan oleh organisasi keselamatan kebakaran yang berkenaan dengan premis ditetapkan itu dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan perakuan bomba dengan atau tanpa mengenakan apa-apa syarat atau syarat-syarat pada perakuan itu atau menolak untuk memberikan perakuan bomba.

Pengemukaan pelan

2A. Ketua Pengarah boleh, berhubung dengan apa-apa pengemukaan pelan di bawah subseksyen 29(2) Akta, menolak mana-mana pelan yang dikemukakan tidak mengikut peruntukan dalam Bahagian II Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [P.W. 5178/85] di mana-mana jua yang berkaitan.

Pengeluaran perakuan bomba

3. (1) Tiap-tiap perakuan bomba berkenaan dengan premis ditetapkan hendaklah dibuat dalam borang dalam Jadual Kedua.

(2) Sesuatu perakuan bomba yang dikeluarkan di bawah Akta tidak boleh dipindah milik.

(3) Fi yang kena dibayar bagi perakuan bomba yang dikeluarkan di bawah Akta hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(4) Ketua Pengarah boleh membenarkan pemindahmilikan sesuatu perakuan bomba jika sesuatu syarikat yang merupakan pemegang perakuan bomba dilikuidasikan atau penerima atau pengurus dilantik berhubung dengan perniagaan pemegang perakuan bomba itu atau jika bagi apa-apa sebab Ketua Pengarah berpuas hati bahawa adalah adil untuk berbuat demikian.

(5) Pemegang perakuan bomba yang memindahmilikkan atau yang berupa sebagai memindahmilikkan atau menyerahkan perakuan bomba itu atau menyebabkan atau membenarkan

mana-mana orang lain untuk menggunakan perakuan bombanya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pembaharuan perakuan bomba

4. (1) Permohonan bagi pembaharuan perakuan bomba hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh habis tempoh perakuan itu:

Dengan syarat bahawa tiada permohonan bagi pembaharuan boleh dibenarkan jika ia dibuat selepas habis tempoh perakuan bomba itu dan pemohon hendaklah membuat permohonan baharu sebagaimana di bawah peraturan 2.

(2) Seseorang pemohon bagi pembaharuan perakuan bomba hendaklah—

- (a) membuat permohonan itu dalam borang dalam Jadual Ketiga;
- (b) memberikan butir-butir tentang apa-apa perubahan pada premis ditetapkan itu;
- (c) mengemukakan sesalinan Laporan Keselamatan Kebakaran; dan
- (d) membekalkan apa-apa butir atau maklumat lain yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(2A) Ketua Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya, meluluskan pembaharuan perakuan bomba dengan atau tanpa mengenakan apa-apa syarat atau syarat-syarat atau menolak untuk memberikan pembaharuan bagi perakuan itu.

(3) Fi yang kena dibayar bagi sesuatu perakuan bomba yang dibaharui hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

Kehilangan atau kemusnahan perakuan bomba

5. (1) Jika perakuan bomba hilang atau musnah, orang yang kepadanya perakuan bomba itu dikeluarkan hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh kehilangan atau kemusnahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis tentang kehilangan atau kemusnahan itu dan memohon perakuan gantian.

(2) Orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mengemukakan fi sebanyak lima puluh ringgit dan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang tidak memberitahu Ketua Pengarah di bawah subperaturan (1) atau tidak mengemukakan maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan.

Pempameran perakuan bomba

6. (1) Orang yang kepadanya sesuatu perakuan bomba dikeluarkan hendaklah mempamerkan perakuan bomba itu pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di mana-mana bahagian premis ditetapkan yang baginya perakuan itu berkaitan dan perakuan itu hendaklah tersedia untuk diperiksa oleh pegawai diberi kuasa yang boleh meminta pengemukaan perakuan itu di premis ditetapkan yang berkenaan pada bila-bila masa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

Perlindungan daripada tindakan, tuntutan, liabiliti, dsb.

6A. Kerajaan, Ketua Pengarah dan Pegawai Bomba tidak tertakluk pada apa-apa jua pun tindakan, tuntutan, liabiliti atau permintaan yang timbul daripada mana-mana premis ditetapkan yang telah dikeluarkan perakuan bomba di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau dengan alasan bahawa premis ditetapkan itu tertakluk pada pemeriksaan dan kelulusan Ketua Pengarah, dan tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menjadikannya wajib kepada Ketua Pengarah untuk memeriksa mana-mana premis ditetapkan untuk memastikan bahawa peruntukan Peraturan-Peraturan ini mematuhi pelan, butiran, maklumat atau notis yang dikemukakan kepadanya adalah tepat.

Penubuhan organisasi keselamatan kebakaran berkenaan dengan premis ditetapkan

6B. (1) Mana-mana pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan ke atas premis ditetapkan hendaklah, atas suatu permohonan yang dibuat di bawah peraturan 6C, menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran berkenaan dengan premis ditetapkan itu.

(2) Organisasi keselamatan kebakaran itu hendaklah terdiri daripada seorang pengurus keselamatan kebakaran dan sekurang-kurangnya tiga orang pegawai keselamatan kebakaran yang dilantik oleh pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan ke atas premis ditetapkan.

(3) Pengurus keselamatan kebakaran dan pegawai keselamatan kebakaran yang dilantik di bawah subperaturan (2) hendaklah diperakui oleh Ketua Pengarah mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Permohonan bagi penubuhan organisasi keselamatan kebakaran

6C. (1) Suatu permohonan bagi penubuhan suatu organisasi keselamatan kebakaran di bawah peraturan 6B hendaklah dibuat oleh pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan ke atas premis ditetapkan kepada Ketua Pengarah dalam borang dalam Jadual Keempat apabila pelantikan pengurus keselamatan kebakaran dan pegawai keselamatan kebakaran dibuat.

(2) Apabila permohonan di bawah subperaturan (1) diterima, Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan suatu perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran, dengan atau tanpa syarat, atau menolak permohonan itu.

(3) Perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) hendaklah dalam borang dalam Jadual Kelima.

(4) Ketua Pengarah boleh membatalkan perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) jika organisasi keselamatan kebakaran itu tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan perakuan itu.

Tugas pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan ke atas premis ditetapkan

6D. (1) Pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan ke atas premis ditetapkan yang kepadanya perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran dikeluarkan di bawah peraturan 6c hendaklah—

- (a) menyediakan organisasi keselamatan kebakaran itu dengan kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran;
- (b) menyediakan maklumat yang berhubungan dengan keselamatan kebakaran dan kecemasan kepada organisasi keselamatan kebakaran itu;
- (c) memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai apa-apa perubahan dalam pelantikan pengurus keselamatan kebakaran atau pegawai keselamatan kebakaran dalam masa empat belas hari dari tarikh berlakunya perubahan itu; dan
- (d) melantik pengurus keselamatan kebakaran atau pegawai keselamatan kebakaran yang baharu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh peletakan jawatan atau penamatan mana-mana pengurus keselamatan kebakaran atau pegawai keselamatan kebakaran, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan ke atas premis ditetapkan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Tugas dan kuasa organisasi keselamatan kebakaran

6E. Suatu organisasi keselamatan kebakaran hendaklah mempunyai tugas yang berikut:

- (a) untuk bertanggungjawab bagi keselamatan kebakaran premis ditetapkan yang berkenaan dengannya organisasi keselamatan kebakaran itu ditubuhkan;

- (b) apabila berlakunya kebakaran atau apa-apa kecemasan lain di premis ditetapkan tetapi sebelum ketibaan Pegawai Bomba—
 - (i) untuk memberikan arahan bagi maksud pengungsian atau pengeluaran penghuni premis ditetapkan; dan
 - (ii) untuk memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran atau kecemasan dengan menggunakan semua kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran di premis ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (c) untuk mengeluarkan atau menyebabkan dikeluarkan apa-apa bahaya kebakaran yang ditemukan di dalam premis ditetapkan;
- (d) untuk menyediakan suatu Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan dan Laporan Keselamatan Kebakaran;
- (e) untuk memastikan sesalinan Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan dan semua rekod atau dokumen yang berhubungan dengannya disimpan di pusat operasi kebakaran;
- (f) untuk memastikan semua kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran dan pusat operasi kebakaran di dalam premis ditetapkan disenggarakan dan kekal berada dalam keadaan baik;
- (g) untuk menghadiri apa-apa kursus atau latihan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (h) untuk menjalankan apa-apa kursus atau latihan yang berhubungan dengan keselamatan kebakaran dan kecemasan bagi penghuni premis ditetapkan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun;
- (i) untuk menjalankan latihan kebakaran di premis ditetapkan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun; dan
- (j) untuk melaksanakan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Penalti

7. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah peraturan 5 atau 6 boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan boleh kompaun

7A. Kesalahan di bawah subperaturan 3(5), 5(3) dan 6(2) ialah kesalahan boleh kompaun.

 JADUAL PERTAMA

BORANG

[Subperaturan 2(1)]

PERMOHONAN BAGI PERAKUAN BOMBA

BAHAGIAN I

Ketua Pengarah,
 Jabatan Bomba dan Penyelamat,
 Negeri.....

Saya/Kami ingin
 memohon perakuan bomba bagi premis ditetapkan yang berikut: *(Nyatakan alamat
 penuh premis ditetapkan)*

BAHAGIAN II

1. Nama pemohon (*pemunya/penghuni/orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan ke atas premis ditetapkan*):

*Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba
(Perakuan Bomba)*

15

2. Alamat pos:
.....
.....
3. Nombor kad pengenalan:
4. Nombor telefon:
5. Alamat e-mel:
6. Nama pemunya terakhir premis ditetapkan:
.....
(sila lampirkan salinan terperaku)
7. Nombor pendaftaran perniagaan:
.....
Daerah: Negeri:
8. Tarikh kelulusan dan nombor rujukan pelan yang diluluskan bagi premis ditetapkan:
 - (a) Nombor rujukan Pihak Berkuasa Tempatan:
Tarikh kelulusan:
 - (b) Nombor rujukan Jabatan Bomba dan Penyelamat:
Tarikh kelulusan:
9. Organisasi keselamatan kebakaran
 - (a) No. Pendaftaran:
(sila lampirkan sesalinan perakuan penubuhan organisasi keselamatan kebakaran itu)
 - (b) Pengurus keselamatan kebakaran (ADA/TIADA)
Nama:
No. Pendaftaran:
(sila lampirkan salinan terperaku)
 - (c) Pegawai keselamatan kebakaran (Lampiran) orang
10. Sesalinan Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan (ADA/TIADA)
11. Sesalinan Laporan Keselamatan Kebakaran (ADA/TIADA)

*Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba
(Perakuan Bomba)*

17

JADUAL KEDUA

BORANG

[Subperaturan 3(1)]

PERAKUAN BOMBA

Dengan ini diperakukan bahawa premis ditetapkan

.....
.....
telah mematuhi kehendak yang berhubungan dengan kelengkapan menentang
kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran mengikut Akta Perkhidmatan
Bomba 1988.

Dengan ini diperakukan juga bahawa suatu organisasi keselamatan kebakaran
telah ditubuhkan, dan suatu Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan dan
Laporan Keselamatan Kebakaran telah disediakan, berkenaan dengan premis
ditetapkan itu mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Perakuan ini sah dari hingga

.....
*Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat*

JADUAL KETIGA

BORANG

[Perenggan 4(2)(a)]

PERMOHONAN BAGI PEMBAHARUAN PERAKUAN BOMBA

Pengarah,
 Jabatan Bomba dan Penyelamat,
 Negeri

Saya/Kami.....ingin
 memohon pembaharuan perakuan bomba bagi premis ditetapkan yang berikut:
(Nyatakan alamat penuh premis ditetapkan)

.....

2. Nombor rujukan:

*3. Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa tidak terdapat perubahan ketara pada premis ditetapkan itu, dan oleh itu maklumat yang diberikan dalam Jadual Pertama permohonan saya/kami berkenaan dengan premis ditetapkan itu bertarih masih terpakai.

*4. Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terdapat perubahan ketara pada premis yang ditetapkan itu, dan oleh itu saya/kami mengemukakan semula Bahagian II Jadual Pertama permohonan saya/kami berkenaan dengan premis ditetapkan itu *(Sila isikan Bahagian II Jadual Pertama)*.

*5. Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terdapat perubahan ketara pada premis ditetapkan itu, dan oleh itu saya/kami mengemukakan semula Jadual Pertama permohonan saya/kami berkenaan dengan premis ditetapkan itu.

6. Saya/Kami dengan ini mengemukakan Laporan Keselamatan Kebakaran yang terkini.

7. Saya/Kami dengan ini mengemukakan Pelan Tindakan Kebakaran dan Kecemasan yang terkini *(jika berkaitan)*.

Tarikh:

Tandatangan pemohon:

(Cap rasmi)

*Potong jika tidak berkenaan

*Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba
(Perakuan Bomba)*

19

JADUAL KEEMPAT

BORANG

[Subperaturan 6C(1)]

PERMOHONAN BAGI PENUBUHAN ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN

Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat

Saya/Kami.....
(Nama pemohon (*pemunya/penghuni/orang yang mempunyai pengurusan keseluruhan atas premis ditetapkan*). Nombor kad pengenalan:
ingin memohon bagi penubuhan organisasi keselamatan kebakaran berkenaan dengan premis ditetapkan yang berikut: (*Nyatakan nama dan alamat penuh premis ditetapkan*)
.....
.....

2. Pengurus keselamatan kebakaran

Nama:

No. Pendaftaran:

(*sila lampirkan salinan terperaku*)

3. Pegawai keselamatan kebakaran (Lampiran) orang

Saya/Kami memperakukan bahawa sepanjang pengetahuan saya/kami segala maklumat yang diberikan dalam borang permohonan ini adalah benar dan betul.

Tarikh:

Tandatangan pemohon:

(*Cap rasmi*)

*Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba
(Perakuan Bomba)*

21

JADUAL KELIMA

[Subperaturan 6C(3)]

PERAKUAN PENUBUHAN ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN

No. Pendaftaran:

Dengan ini diperakukan bahawa premis ditetapkan

.....
.....

telah menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran di premis ditetapkan itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 27A Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

.....
*Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat*

JADUAL KEENAM

[Subperaturan 3(3) dan 4(3)]

FI BAGI PERAKUAN BOMBA DAN PERAKUAN BOMBA YANG DIBAHARUI

<i>Premis Ditetapkan Mengikut Kegunaan</i>	<i>Fi</i>	
	<i>Perakuan Bomba (RM)</i>	<i>Perakuan Bomba yang Dibaharui (RM)</i>
1. Perpustakaan	300.00	150.00
2. Hospital dan kediaman perawatan	400.00	200.00
3. Hotel	500.00	250.00
4. Asrama dan dormitori	300.00	150.00
5. Pejabat	400.00	200.00
6. Kedai	500.00	250.00
7. Kilang	1,000.00	500.00
8. Tempat perhimpunan	300.00	150.00
9. Storan dan premis lain	500.00	250.00

NOTE:

Jika mana-mana premis ditetapkan digunakan bagi lebih daripada satu tujuan, fi yang kena dibayar hendaklah fi yang paling tinggi yang ditetapkan bagi tujuan itu.

Dibuat 18 Julai 2001.

[KPKT(S) 704/95; PN(PU²) 471/III]

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988****PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PERAKUAN BOMBA) 2001****SENARAI PINDAAN**

Undang-Undang yang meminda	Nama	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 334/2002	Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) (Pindaan) 2002	16-08-2002
P.U. (A) 290/2020	Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) (Pindaan) 2020	01-10-2020

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA (PERAKUAN BOMBA) 2001

SENARAI PERATURAN YANG DIPINDA

Peraturan	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1A	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020
1B-1C	P.U. (A) 334/2002	16-08-2002
2	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020
2A	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020
3	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020
4	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020
6	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
6A	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020
6B	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
6C	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
6D	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
6E	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
7	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020

*Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba
(Perakuan Bomba)*

25

Peraturan	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
7A	P.U. (A) 334/2002	16-08-2002
Jadual A	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020
Jadual B	P.U. (A) 334/2002 P.U. (A) 290/2020	16-08-2002 01-10-2020
Jadual Pertama	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
Jadual Kedua	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
Jadual Ketiga	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
Jadual Keempat	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
Jadual Kelima	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
Jadual Keenam	P.U. (A) 290/2020	01-10-2020
